

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JUNE 2016

Menjadi kewajipan bagi perjuangan menegak, menyemarakkan syiar Islam

# Tolak puak anti-Islam

um - 27/6/2016

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**  
utusan@utusan.com.my

■ PEKAN 26 JUN

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menggesa umat Islam menolak golongan anti-Islam dan puak-puak yang bersekongkol dengan mereka demi penyatuan ummah dan kekuatan agama berkenaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu menjadi kewajipan umat Islam sebagai perjuangan menegak dan menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

Beliau berkata, walaupun terda-

pat perbezaan pendapat, jangan sampai umat Islam bermusuhan hingga boleh membawa akibat buruk.

“Kita mesti faham ini semua bahawa kita tidak boleh berkompromi dalam hal ini, maknanya kita mesti berjuang menegakkan Islam di bumi bertuah ini.

“Kita tolak siapa yang anti-Islam dan tidak suka kepada keagungan Islam di bumi kita. Kita faham siapa mereka.

“Siapa yang bersekongkol dengan puak ini pun kita tolak mereka sebab prinsipnya kewajipan kita sebagai orang Islam mesti menegakkan Islam yang sebenar iaitu yang tidak keterla-

luan, longgar atau liberal,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis berbuka puasa, solat maghrib, isyak dan solat sunat tarawih bersama kepimpinan masyarakat serta kakitangan kerajaan di Masjid Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda negeri, Datuk Abu Bakar Harun yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan.

Dalam majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 61 penerima terdiri dari-

pada pelajar maahad tahfiz dan warga emas di sekitar Kampung Mengkasar di sini.

Menurut Najib, antara ciri-ciri Islam yang sebenar adalah seimbang, sederhana dan tahu menghormati orang serta agama lain.

Beliau berkata, sikap menghormati orang lain menyebabkan mereka akan melakukan perkara sama.

“Apabila kita kata tiada lebih tinggi daripada Islam, maka akhlak kita pun mesti terpuji.

“Dengan akhlak terpuji, orang bukan Islam pun akan hormat kita. Ini dikatakan Islam sebenar,” katanya.